

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN]

SOALAN NO. 379

DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini jumlah hutang negara dan kemampuan Kerajaan untuk menanggung beban hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] , Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah sebanyak **RM741 bilion atau 51.8%** daripada KDNK pada akhir-Disember 2018, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM719.5 bilion adalah hutang domestik (50.3% daripada KDNK). Sementara itu, baki 2.9% daripada jumlah hutang langsung Kerajaan Persekutuan atau RM21.5 bilion (1.5% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Paras hutang langsung Kerajaan Persekutuan ini adalah lebih tinggi berbanding purata hutang negara bertaraf kredit ‘A’ pada 40.3% daripada KDNK.

2. Selain itu, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** di mana jumlah keseluruhan liabiliti 1MDB adalah sebanyak RM50.9 bilion, serta liabiliti lain seperti **bayaran pajakan kewangan (finance lease)** bagi tempoh 2017 – 2045 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit

Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2045. Secara keseluruhannya, jumlah komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan berjumlah **RM1.1 trillion atau sekitar 76%** daripada KDNK.

3. Kerajaan tidak pernah gagal dalam menjelaskan bayaran balik dan faedah pinjaman. Kerajaan sentiasa memastikan bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang langsung Kerajaan Persekutuan merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat, iaitu di bawah perbelanjaan tanggungan. Bagi tahun 2018, Kerajaan telah membuat pembiayaan semula bayaran pokok sebanyak RM63.2 bilion dan RM30.5 bilion atau 13.1% daripada kutipan hasil telah dibelanjakan bagi tujuan bayaran khidmat hutang. Jumlah bayaran khidmat hutang ini adalah tinggi berbanding negara bertaraf kredit yang sama pada kadar purata 5.7% daripada hasil.

4. Bagi memastikan paras hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah terkawal dan terurus, Kerajaan perlu mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan. Selain itu, Kerajaan perlu memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pengurusan hutang negara akan diteruskan dengan mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.